



PERHIMPUNAN BULANAN MDLG 1/2010

4.3.2010 -Perhimpunan Bulanan Majlis Daerah Lenggong Bil.1/2010 telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Merdeka Lenggong pada jam 3.15 Petang. Perhimpunan ini telah dimulai dengan Majlis Bacaan Yassin yang diketuai oleh Tuan Setiausaha Majlis Daerah Lenggong; En Nor Akmal Bin Yang Ghazali khusus untuk anggota dan ahli keluarga anggota yang telah meninggal dunia. Pelajar praktikal dan 3 orang anggota baru MDLG telah diperkenalkan dalam Majlis ini dan acara kemuncaknya ialah amanat Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Lenggong; En Tukiren B Hj Siron. Majlis diakhiri dengan upacara penyampaian sumbangan dan cenderahati oleh Kelab Kebajikan & Sukan MDLG kepada penerima iaitu khairat kematian, kelahiran, perkahwinan, kecemerlangan pelajaran dan hari lahir. Tuan YDP amat berpuashati dengan perjalanan Majlis dan mengharapkan perhimpunan seperti sedemikian dapat terus diadakan pada bulan-bulan berikutnya.



KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA DAN INISIATIF PEMAKAIAN TOPI KALENDAR KAWASAN LUAR BANDAR, PARLIMEN LENGGONG



11 Mac 2010 (Khamis) - Satu Kempen Keselamatan Jalan Raya Dan Inisiatif Pemakaian Topi Kalendar Kawasan Luar Bandar, Parlimen Lenggong telah diadakan di daerah Kecil Lenggong. Program ini telah dirasmikan oleh *Y.B Datuk Abdul Rahim Bin Bakri*, Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia . Ucapan Aluan dimulakan oleh *Y.Bhg Dato Hj. Abdul Karim Bin Osman*, Pegawai Daerah Hulu Perak diikuti oleh *Y.B Dato' Shamsul Anuar B Hj Nasarah*; Ahli Parlimen Lenggong. Pelbagai program telah diatur dalam majlis tersebut seperti kempen advokasi, penyerahan topi keledar beserta jaket keselamatan dan pemusnahan topi keledar yang lama. *Y.B Dato' Abdul Rahim* turut melepaskan peserta konvoi motorsikal, kereta dan bas selepas penyerahan jaket keselamatan dan topi keledar. Beliau juga turut melekatkan pekat kenderaan "*Jom Klik*" sebagai gimik pelancaran tersebut.

MENARIK DIDALAM

- Hari hak -hak pengguna** 2
- Kupon Diskaun 5%** 3
- Operasi penutupan gerai** 3
- Majlis Makan Malam** 4
- Penerima Anugerah** 5
- Aktiviti Penguatkuasaan** 6
- MDLg menyertai face-book** 7



PROGRAM KEMASYARAKATAN SEMPENA HARI HAK- HAK PENGGUNA 2010



Satu Program Kemasyarakatan sempena Hari Hak - hak pengguna Sedunia Peringkat Majlis Daerah Lenggong telah dijalankan pada 19 Mac 2010 bertempat di Dewan Merdeka Lenggong. Program bermula pada jam 2.30 petang yang melibatkan aktiviti - aktiviti seperti Ceramah Kepenggunaan, Pameran dan Kaunter aduan.

Program ini adalah anjuran Majlis Daerah Lenggong dengan kerjasama Biro Pengaduan Awam, Persatuan

Pengguna Negeri Perak, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan PDRM. Orang ramai telah dijemput hadir bagi mengetahui sejauh mana kuasa pengguna yang selama ini tidak disedari. Program yang turut disenaraikan sebagai "LA 21" Majlis Daerah Lenggong ini juga melibatkan aktiviti turun padang (TURPA), pada pagi hari yang sama melibatkan pembukaan kaunter aduan di pasar oleh BPA dan tinjauan kerja serta masalah yang dihadapi oleh rakyat.





KUPON DISKAUN 5%

Bermula 1 April 2010 sebagai menghargai pelayar web, Majlis Daerah Lenggong akan memperkenalkan potongan Sebanyak 5 % kepada pelanggan yang akan menginap di Rumah Rehat dan Resort Tasik Raban .Promosi ini boleh diperolehi dengan menggunakan Kupon Diskaun yang disediakan menerusi laman Web Majlis iaitu www.mdlg.gov.my dan membuat cetakan berwarna untuk kupon ini .Kupon Promosi ini tertakluk kepada terma dan syarat – syarat .

KUPON DISKAUN 5%
RUMAH REHAT LENGGONG & RESORT TASIK RABAN

TERMA DAN SYARAT:

1. Kupon hanya sah digunakan di Rumah Rehat Lenggong dan Resort Tasik Raban sahaja.
2. Tidak diskaunkan harga satu-satunya harga satu bilik sahaja.
3. Kupon hendaklah ditukar secara berturut-turut melalui laman web www.mdlg.gov.my
4. Tempoh promosi sah sehingga 31 Disember 2010.
5. Kupon tidak sah digunakan pada hari Ahad/minggu, cuti umum dan cuti sekolah.
6. Kupon tidak boleh dipulau dan ditukarkan.
7. Kupon boleh dibatalkan oleh pihak Majlis tanpa sebarang notis.

TERM AND CONDITIONS:

1. Valid only at Lenggong Resthouse and Raban Lake Resort
2. Limited to one room per coupon
3. Only printed colour from www.mdlg.gov.my accepted for redemption
4. Valid until 31st December 2010
5. Promotion is not valid during weekends, public holiday and school holiday
6. Not exchangeable for cash
7. Coupon can be invalid at anytime without any notice by the council

Operasi penutupan gerai majlis No 3, Gerai Merah Taman Kanak-kanak

Pihak MDLg telah menjalankan operasi penutupan gerai majlis No 3, Gerai Merah Taman Kanak-kanak pada 7.4.2010. Operasi ini dilaksanakan oleh 9 orang skuad penguatkuasa pelbagai jawatan dengan kehadiran seorang Ahli Majlis yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa Kecil Pelesenan & Penguatkuasaan Majlis Daerah Lenggong. Operasi dijalankan setelah penyewa gagal memberi respon kepada notis –notis yang diserahkan kepada beliau. Pihak Majlis komited akan terus melaksanakan operasi sebegini dalam usaha mengurangkan tunggakan dan memberi peluang sewajarnya kepada ahli masyarakat lain yang berminat untuk berniaga di gerai Majlis .





Majlis Makan Malam KKS MDLg 2010 & APC 2009.
Tarikh :6 April 2010 Tempat : Resort Tasik Raban

” ANGGAP PEKERJAAN SEBAGAI SATU IBADAH – Tukiren ”

Yang Dipertua Majlis Daerah Lenggong, **En. Tukiren b. Siron** menyeru warga kerja Majlis Daerah Lenggong berkenaan agar sentiasa ikhlas dalam menjalankan tugas dan menganggapnya sebagai satu ibadah. Jika semuanya berjalan lancar, tentunya perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan kepada rakyat. Dalam Majlis berkenaan, seramai **5 orang warga kerja telah dipilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang** bagi tahun 2009. Selain itu, pihak Majlis juga mengambil inisiatif mewujudkan **Anugerah Perkhidmatan Terpuji yang disampaikan kepada 20 orang warga kerja** daripada pelbagai unit. Majlis turut menghargai persaraan **En. Mohd. Zubir b. Alias** yang telah bersara pilihan setelah berkhidmat selama 13 tahun sebagai Pem. Penguatkuasa dengan Majlis. Juga diraikan **Pn. Raja Norshila bt, Raja Hasran**; mantan Pen. Peg. Perancang Bandar dan Desa yang kini dilantik sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik. Tahniah kepada semua penerima anugerah dan syabas kepada ahli jawatankuasa majlis yang telah mengendalikan majlis ini.



Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

&

Anugerah Perkhidmatan Terpuji



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
MAJLIS DAERAH LENGGONG TAHUN 2009

BIL	PENERIMA	
1.	EN. AZMI B. MOHD. YUSOF PEKERJA AWAM R1 UNIT PERKHIDMATAN BANDAR - LANDSKAP	
2.	EN. MOHAMED RASHIDI B. ABD. KARIM KETUA PEM. TADBIR N22 UNIT KHIDMAT PENGURUSAN	
3.	EN. MUNIANDY A/L RAMAN PEKERJA AWAM R4 UNIT PERKHIDMATAN BANDAR - PASAR	
4.	PN. NORMAH BT. MD. ANI PEM. TADBIR (PEMBANGUNAN) UNIT KEJURUTERAAN	
5.	EN. MOHD. SAID B. HING MANDOR (R4) UNIT PERKHIDMATAN BANDAR	



Aktiviti Penguatkuasaan MDLG 2010

Majlis Daerah Lenggong sedang giat menjalankan aktiviti penguatkuasaan seperti penurunan iklan tanpa permit, penyitaan gerai yang mempunyai tunggakan sewa, membuat operasi haiwan merayau, pemeriksaan premis dan tindakan berdasarkan aduan awam. Tahun 2010 merupakan tahun penguatkuasaan bagi Majlis Daerah Lenggong. Aktiviti penguatkuasaan selepas ini akan dipanjangkan ke Bahagian Penilaian dengan menyita premis yang mempunyai tunggakan taksiran yang tinggi.





BARU



Selain dari Laman Web Rasmi Majlis Daerah Lenggong, juga telah menyertai **facebook** sebagai inisiatif untuk menyalurkan maklumat kepada penduduk setempat mengenai program yang berlaku dan akan berlaku di sekitar Daerah Kecil Lenggong . **Jadilah “Peminat Majlis Daerah Lenggong”** dan anda akan mendapat info yang terkini dari kami.